



14 MAY, 2026

MK Land, TotalEnergies bakal mulakan projek loji solar PV

Berita Harian, Malaysia



MK Land, TotalEnergies bakal mulakan projek loji solar PV

Pembangunan di Kulim bakal tenaga hijau kepada pengguna korporat menerusi perjanjian 21 tahun

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

MK Land Holdings Bhd menerusi anak syarikat tenaga boleh diperbaharui miliknya, Citra Energies Sdn Bhd (Citra Energies) memperoleh penutupan kewangan bagi pembangunan loji solar fotovoltaik (PV) berkapasiti 29.99MWac di bawah program Projek Program Tenaga Hijau Korporat (CGPP) di Mukim Padang Meha, Kulim, Kedah.

Citra Energies adalah konsortium yang ditubuhkan antara Solar Citra Sdn Bhd (Solar Citra) iaitu anak syarikat milik penuh

MK Land dan TotalEnergies Renewables SAS (TotalEnergies).

Pencapaian itu membuka laluan kepada pelaksanaan penuh pembinaan loji solar PV berkenaan bersama sebuah pencawang 132kV "loop-in-loop-out" (LILLO), sekali gus menyokong peningkatan kapasiti tenaga boleh diperbaharui negara.

MK Land dalam kenyataannya berkata, projek itu menyatukan ekosistem kerjasama strategik global dan tempatan, termasuk sokongan institusi kewangan antarabangsa yang mempunyai kepakaran dalam kewangan dan pelaburan mampan.

Katanya, pengaturanan operasi projek berkenaan turut melibatkan syarikat multinasional yang memperluaskan operasi mereka di rantau ini, manakala perkhidmatan kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC) akan dilaksanakan oleh pakar tempatan dalam sektor tenaga boleh diperbaharui dan teknologi bersih.

Keseluruhan pengeluaran tenaga elektrik projek itu yang dianggarkan sekitar 1.5 ter-

awatt-jam (TWh) akan dijual menerusi Perjanjian Pembelian Kuasa (PPA) jangka panjang selama 21 tahun kepada pemain teknologi dan industri utama di Malaysia.

Perkembangan itu mencerminkan peningkatan permintaan dalam kalangan pelanggan korporat terhadap sumber elektrik mampan, selain mengukuhkan kepentingan strategik projek berkenaan dalam menyokong agenda tenaga bersih negara.

80,000 panel fotovoltaik

Loji solar itu akan merangkumi kira-kira 80,000 panel fotovoltaik yang dipasang di kawasan seluas 115 ekar, selain membolehkan pembangunan pencawang baharu 132kV LILLO bagi memperkuatkan rangkaian keterhubungan grid Malaysia.

MK Land berkata, penyertaan syarikat bersama peserta global dan tempatan berpengalaman membuktikan keyakinan terhadap ekosistem tenaga boleh diperbaharui Malaysia.

Katanya, kerjasama itu turut memperkukuhkan peranan pihak berkepakaran dalam mem-

bangunkan infrastruktur tenaga bersih berskala utiliti yang mampan dan berdaya maju.

Selepas mula beroperasi kelak, loji solar PV berkenaan akan membekalkan tenaga boleh diperbaharui secara terus ke grid Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Bekalan kuasa yang dijana

“Pencapaian penutupan kewangan projek itu cerminkan komitmen jangka panjang syarikat dalam membangunkan platform tenaga mampan”

Frankie Chai,
Ketua Pegawai
Operasi – Sumber
Kumpulan
MK Land



akan disalurkan kepada pengguna korporat menerusi perjanjian pembelian kuasa maya untuk tempoh 21 tahun.

Menurut MK Land, struktur itu bukan sahaja memastikan aliran pendapatan berulang yang stabil, malah memenuhi permintaan syarikat multinasional dan pemain industri berskala besar yang mencari penyelesaian tenaga boleh diperbaharui bagi menyokong operasi serta sasaran kemampanan mereka.

Ketua Pegawai Operasi – Sumber Kumpulan MK Land dan Pengarah Citra Energies, Frankie Chai, berkata pencapaian penutupan kewangan projek itu mencerminkan komitmen jangka panjang syarikat dalam membangunkan platform tenaga mampan yang mampu menyumbang kepada peralihan Malaysia ke arah ekonomi rendah karbon.

Beliau berkata, projek itu bukan sekadar pembangunan infrastruktur, malah melambangkan keyakinan syarikat terhadap masa depan tenaga bersih sebagai pemacu daya tahan ekonomi dan daya saing serantau.